

21 AUG 2004

Abdullah-Korea

PROGRAM SIBUK MENANTI ABDULLAH SEMASA LAWATAN PENTING KE SEOUL

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

SEOUL, 21 Ogos (Bernama) - Program yang sibuk termasuk pertemuan dengan Presiden Korea Selatan Roh Moo-hyun menanti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada lawatan pertama beliau sebagai perdana menteri ke sini, esok.

Abdullah dan Roh, yang kedua-duanya memegang tampuk pemerintahan tahun lepas, akan mengadakan perbincangan di Presidential Blue House (Cheong Wa Dae) pada Isnin.

Selain daripada isu-isu dua hala, kedua-dua pemimpin juga dijangka akan membincangkan kerjasama serantau iaitu proses "Asean campur Tiga" dan isu antarabangsa terutamanya mengenai Iraq.

Abdullah akan diberikan sambutan rasmi di perkarangan Blue House dengan beliau akan memeriksa kawalan kehormat dan kemudian memperkenalkan anggota delegasinya kepada Roh.

Antara anggota delegasi Malaysia ialah Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Shafie Salleh dan Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Datuk Zainal Abidin Othman, kedua-duanya tiba di sini pagi ini.

Menteri Pembangunan Ussahawan dan Koperasi Datuk Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Pelancongan Datuk Dr Leo Michael Toyad dijangka tiba bersama-sama Abdullah malam esok.

Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan Datuk M. Santhanaban berkata perdana menteri pada awalnya merancang untuk melakukan lawatan itu lebih awal selepas memegang tampuk pemerintahan tahun lepas.

"Lawatan ini boleh dilihat sebagai lawatan kunjungan hormat kerana Korea merupakan sebuah negara jiran yang penting kepada Malaysia di rantau Asia Pasifik...Korea juga peserta penting dalam proses Asean campur Tiga," katanya kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan lawatan itu di sini.

Sejak memegang tampuk pemerintahan, Abdullah telah melawat kesemua sembilan negara anggota Asean serta China dan Jepun, dua lagi negara selain Korea Selatan dalam Asean campur Tiga.

Santhanaban berkata lawatan perdana menteri itu juga seiring dengan tradisi yang diamalkan oleh Malaysia dan Korea Selatan sejak hubungan diplomatik dijalin pada 1960.

"Jika anda imbas kembali 40 tahun lepas, setiap presiden Korea telah melawat Malaysia dan setiap perdana menteri Malaysia telah melakukan lawatan rasmi ke Korea.

"Jadi ini merupakan kesinambungan tradisi yang telah diamalkan oleh perdana menteri kita sebelum ini. Yang di-Pertuan Agong juga pernah melakukan lawatan ke sini pada 2002," katanya.

Lawatan terakhir oleh Perdana Menteri Malaysia ke Korea Selatan ialah oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada Mei, 2002.

Santhanaban berkata lawatan Abdullah adalah bagi meraikan semangat setiakawan yang terjalin antara Malaysia dan Korea Selatan, yang semakin kukuh sejak pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur pada 1992.

"Kini tiba masanya untuk meraikan semua pencapaian dalam hubungan dua hala kita, betapa akrabnya hubungan setiakawan itu.

"Bercakap mengenai perkara ini, saya ingin katakan bahawa tiada sebarang masalah dalam hubungan Malaysia-Korea, perdana menteri kita melakukan lawatan pada ketika tiada sebarang isu, tiada isu panas untuk diselesaikan," kata Santhanaban.

Perdana Menteri akan memulakan jadual sibuk pada Isnin dengan meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara dan kemudiannya terus kembali ke hotel tempat penginapan beliau untuk merasmikan forum perniagaan

anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Kemudiannya beliau akan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Persekutuan Industri-Industri Korea dan selepas itu menghadiri majlis sambutan rasmi dan mengadakan perjumpaan dengan Presiden Korea Selatan.

Roh kemudiannya meraihan Abdullah pada jamuan malam di Blue House. Pada Selasa, Abdullah akan mengadakan perjumpaan dengan pengusaha industri Korea Selatan sebelum mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 250 pelajar Malaysia.

Beliau kemudiannya akan mengadakan sidang media, yang menurut pegawai Malaysia, dijangka akan dihadiri kira-kira 100 wakil media Korea, antarabangsa dan Malaysia yang membuat liputan lawatan itu.

Selepas jamuan tengah hari, perdana menteri akan berlepas ke Bangunan Kerajaan Metropolitan Seoul untuk menerima anugerah "Freedom to the City of Seoul" yang akan disampaikan oleh Datuk Bandar Lee Myung-bak.

Abdullah dijadual berlepas pulang ke tanah air selepas upacara itu.

-- BERNAMA

AZZ HS RHM